

>> Sultan Muhammad V berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota

Harian Metro  
14/12/16  
mls 8-9

HARIAN METRO



# YANG DI-PERTUAN AGONG (1957-kini)



## 1 NEGERI SEMBILAN

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Tuanku Abdul  
Rahman ibni Almarhum  
Tuanku Muhammad

31/08/1957 - 1/04/1960



## 2 SELANGOR

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Sultan  
Hisamuddin Alam Shah  
ibni Almarhum Sultan  
Aladdin Sulaiman Shah

14/04/1960 - 1/09/1960



## 3 PERLIS

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Tuanku Syed  
Putra Al-Haj ibni Almarhum  
Syed Hassan Jamalullail

21/09/1960 - 20/09/1965



## 4 TERENGGANU

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Tuanku Ismail  
Nasiruddin Shah ibni  
Almarhum Sultan Zainal  
Abidin

21/09/1965 - 20/09/1970

## 5 KEDAH

Yang di-Pertuan Agong  
Al-Sultan Almu'tasimu Billahi  
Muhibbuddin Tuanku Al-Haj  
Abdul Halim Mu'adzam Shah  
ibni Almarhum Sultan  
Badlishah

21/09/1970 - 20/09/1975



## 6 KELANTAN

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Tengku Yahya  
Petra ibni Almarhum  
Sultan Ibrahim

21/09/1975 - 29/03/1979



## 7 PAHANG

Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Haji Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah ibni  
Almarhum Sultan Abu Bakar  
Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah

26/04/1979 - 25/04/1984



## 8 JOHOR

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Sultan Iskandar  
ibni Almarhum Sultan Ismail

26/04/1984 - 25/04/1989



## 9 PERAK

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Sultan Azlan  
Muhibbuddin Shah ibni  
Almarhum Sultan Yussuf  
Izzuddin Ghafarullahu-lah

26/04/1989 - 25/04/1994



## 10 NEGERI SEMBILAN

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Tuanku Ja'afar  
ibni Almarhum Tuanku  
Abdul Rahman

26/04/1994 - 25/04/1999



## 11 SELANGOR

Yang di-Pertuan Agong  
Almarhum Sultan  
Salahuddin Abdul Aziz Shah  
Al-Haj ibni Almarhum Sultan  
Hisamuddin Alam Shah Al-Haj

26/04/1999 - 21/11/2001



## 13 TERENGGANU

Yang di-Pertuan Agong  
Al-Wathiqu Billah Sultan  
Mizan Zainal Abidin ibni  
Almarhum Sultan Mahmud  
Al-Muktafi Billah Shah

13/12/2006 - 12/12/2011



## 14 KEDAH

Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Almu'tasimu Billahi  
Muhibbuddin Tuanku Al-Haj  
Abdul Halim Mu'adzam Shah  
ibni Almarhum Sultan Badlishah

13/12/2011 - 12/12/2016



## 15 KELANTAN

Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Muhammad V

13/12/2016 -  
12/12/2021



# Restu bonda

**Kota Bharu**

**S**ultan Muhammad V sempat bersalaman, memohon restu bonda baginda, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid sebelum berangkat ke ibu negara bagi penyempurnaan istiadat melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15, semalam.

Baginda meluangkan masa beberapa minit bersama bondanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa, di sini dan turut diiringi adindanya iaitu Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra.

Tengku Anis tiba lebih awal di LTSIP bagi menunggu ketibaan putera sulungnya itu yang terlebih dahulu menyempurnakan Istiadat Keberangkatan Seri Paduka di Istana Negeri, Kubang Kerian, di sini bermula jam 7.50 pagi.

Dalam istiadat itu, Sultan



**SULTAN** Muhammad V bersalaman dengan Tengku Anis di LTSIP.

**FAKTA**  
Bacaan doa  
selamat dipimpin  
Datuk Mohamad  
Shukri Mohamad

Muhammad V berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota daripada Rejimen ke-5 Artileri Diraja Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu,

diketahui Mejar Mohd Saiful Azly yang turut menyembah Hormat Diraja.

Beberapa das tembakan meriam dilepaskan sebelum baginda berangkat ke LTSIP dengan diiringi Tengku Dr Muhammad Faiz Petra yang juga pemangku Sultan Ke-

lantan.

Turut mengiringi, Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Ribuan rakyat Kelantan tidak melepaskan peluang



**RAKYAT** Kelantan bersalaman dengan Sultan Muhammad V di LTSIP.

mengiringi keberangkatan Sultan Muhammad V dengan berhimpun di sepanjang 14 kilometer laluan ke LTSIP dari Istana Negeri sambil mengibarkan bendera Kelantan dan Jalur Gemilang.

Bacaan doa selamat dipim-

pin Mufti Kelantan Datuk Mohamad Shukri Mohamad mengiringi keberangkatan baginda yang kemudian menaiki pesawat khas ke Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 9.12 pagi.

itonen metro  
14/12/16  
mls-8



14-12-2016

UNIT RUJUKAN DOCUMENTASI  
DITERIMA  
10 DEC 2016  
U.R.D  
M.B.P.J.



Yang Di-Pertuan Agong ke-15

# 15,000 iringi keberangkatan



SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15, Sultan Muhammad V berkenan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama Rejimen Artileri Diraja di Istana Negeri, Kubang Kerian sebelum berangkat ke LTSIP untuk Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Istana Negara, Kuala Lumpur.

## ■ Pelbagai lapisan rakyat Kelantan hantar Sultan Muhammad V di LTSIP

Siti Nor Hidayatidayu Razali dan Mohd Zulhairie Manzaidi  
am@hmetro.com.my

### Kota Bharu

Seawal jam 6.30 pagi, kira-kira 15,000 rakyat Kelantan mula berbaris di sepanjang jalan dari Istana Negeri, Kubang Kerian, di sini ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalang Chepa.

Laluan sepanjang 14 kilometer itu dipenuhi rakyat pelbagai peringkat umur, agama dan bangsa untuk mengiringi keberangkatan Sultan Muhammad V dan sebagai menghormati rasa bangga terhadap pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Kenderaan membawa baginda keluar dari Istana Negeri pada jam 8.05 pagi turut melalui Jalan Sultan Yahya Petra, Jalan Pekeliling dan Ja-

lan Tok Guru yang diadakan persembahan kebudayaan di 11 lokasi berasingan.

Murid tahun enam, Ahmad Baihaqi Syed Ali, 12, yang turut serta mengiringi keberangkatan Sultan Muhammad V berkata, dia bangga dan teruja apabila dapat bersama keluarga dan rakannya untuk mengiringi baginda sultan.

“Walaupun saya masih kanak-kanak, saya tetap mahu menunggu Sultan Muhammad V di tepi jalan mengiringi baginda yang akan berangkat ke ibu negara. Saya seronok apabila dapat melihat sendiri baginda yang berjiwa rakyat dan disayangi semua.

“Saya bersama ibu bapa sudah menunggu pada jam 6.30 pagi lagi dan kami gembira apabila baginda turut

membuka tingkap kenderaan dan melambai kepada rakyatnya.

“Ini pengalaman yang tidak dapat saya lupakan,” katanya ketika ditemui di Jalan Long Yunus, di sini, semalam.

Pengawal keselamatan, Kamaruzaman Kamaruddin, 55, pula berkata, dia bergegas ke LTSIP sebaik habis waktu kerjanya di sebuah sekolah, di sini.

Katanya, walaupun letih dan mengantuk, dia tetap gagahkan diri kerana mahu mengiringi dan bersama-sama menghantar baginda ke ibu negara.

“Jika ikutkan hati memang mahu balik dan sambung tidur, tetapi memikirkan ini adalah peluang yang jarang diperolehi, saya gagahkan diri untuk menunggu rombo-

Harian Metro  
14/12/16  
mls 9

**FAKTA**  
Kiri kanan laluan sepanjang 14 kilometer dipenuhi 15,000 rakyat



**RAKYAT** Kelantan bersalaman dengan Sultan Muhammad V diiringi bondanya dan mengibarkan bendera negeri (gambar atas) di LTSIP.

ngan baginda.

“Saya bangga menjadi rakyat negeri ini kerana kami tahu baginda adalah seorang pemimpin berjiwa rakyat dan yakin negara akan sejahtera di bawah pemerintahan baginda,” katanya.

Sementara itu, Imam Tua

Masjid Kampung Chica, Mohamed Yudid Mamat berkata, seawal jam 6.30 pagi dia mula berada di hadapan Istana Negeri.

“Selesai menunaikan solat Subuh, saya bersama beberapa jemaah yang lain terus datang ke sini untuk melihat

dan mengiringi baginda. Saya bangga dengan pelantikan baginda sebagai Ketua Negara kerana baginda berjiwa rakyat dan kuat beragama.

“Kami harap di bawah pemerintahan baginda, Malaysia akan terus maju dan makmur,” katanya semalam.